

Kedudukan fiskal negara kekal utuh

Pendekatan penjimatan bukti kerajaan urus kewangan lebih berfokus, berdisiplin

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Kuala Lumpur: Langkah berjimat cermat yang dilaksanakan kerajaan ketika ini dilihat sebagai pendekatan strategik bagi memastikan kedudukan fiskal negara kekal kukuh, terutama ketika dunia berdepan ketidak-tentuan ekonomi serta peningkatan harga minyak mentah global.

Penganalisis Ekonomi UniKL Business School, Prof Madya Dr Aimi Zulhazmi Abd Rashid, berkata usaha menyusun semula keutamaan perbelanjaan kerajaan penting bagi memastikan sumber kewangan negara dapat disalurkan kepada sektor dan kumpulan yang benar-benar memerlukan.

Beliau berkata, langkah itu juga membolehkan kerajaan mempunyai ruang kewangan sekiranya krisis ekonomi global berlarutan.

Katanya, pendekatan penjimatan itu menunjukkan komitmen kerajaan dalam mengurus kewangan negara secara lebih berdisiplin dan berfokus.



Keratan akhbar BH, semalam.

“Langkah berjimat cermat ini memperlihatkan hala tuju positif kerajaan untuk memastikan perbelanjaan disusun mengikut keutamaan, iaitu apa yang perlu dilaksanakan segera dan apa yang boleh ditangguhkan,” katanya kepada BH.

Beliau berkata penjimatan itu juga berpotensi memastikan terdapat ruang kewangan mencukupi untuk kebajikan rakyat.

Antara program yang mungkin terus diberi keutamaan ialah BUDI MADANI, Sumbangan Asas Rahmah (SARA) dan Sumbangan Tunai Rahmah (STR).

Tekanan fiskal meningkat

Dalam pada itu, Aimi Zulhazmi berkata, tekanan fiskal terhadap kerajaan dijangka meningkat terutama apabila kerajaan mene-

apkan sasaran defisit fiskal sebanyak 3.5 peratus bagi Belanjaan 2026.

Beliau berkata, pengalaman ketika pandemik COVID-19 menunjukkan kerajaan terpaksa memperuntukkan perbelanjaan besar bagi menyokong ekonomi serta membantu rakyat dan perniagaan.

Katanya, sekiranya krisis ekonomi global berterusan, kerajaan perlu memastikan ada ruang fiskal mencukupi untuk menyokong rakyat serta perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

Selain itu, peningkatan harga minyak mentah dunia juga berpotensi memberi kesan besar kepada ekonomi global dan tempatan.

Aimi Zulhazmi berkata, kenaikan kos tenaga boleh meningkatkan kos pengangkutan dan pengeluaran, sekali gus memperlambatkan perdagangan dunia apabila permintaan menurun.

Kenaikan harga komoditi global seperti beras, gandum dan jagung, katanya, turut berpotensi meningkatkan tekanan inflasi di banyak negara.

“Langkah itu juga bolehkan kerajaan mempunyai ruang kewangan sekiranya krisis ekonomi global berlarutan”

Aimi Zulhazmi Abd Rashid
Penganalisis Ekonomi UniKL Business School,



Produk berpotensi mengalami kenaikan harga susulan peningkatan kos minyak



1. Sayuran dan Hasil Pertanian

Produk pertanian seperti sayur-sayuran segar, buah tempatan serta hasil tanaman dari kawasan luar bandar berpotensi alami kenaikan harga kesan kos bahan api meningkat kerana kebanyakan hasil pertanian dihantar menggunakan lori.

2. Buah-buahan Import

Buah-buahan import seperti epal, anggur, oren dan kiwi antara kategori makanan yang lebih sensitif terhadap perubahan kos logistik. Produk ini biasanya dihantar melalui kapal laut atau penerbangan kargo dan membabitkan rantaian bekalan antarabangsa yang panjang.



3. Produk Tenusu dan Daging

Produk seperti susu, keju, mentega, daging lembu atau kambing juga berpotensi mengalami kenaikan harga kerana kebergantungan kepada import atau memerlukan rantaian logistik yang membabitkan penyimpanan sejuk.



4. Makanan Diproses dan Minuman

Produk makanan diproses seperti makanan dalam tin, sos, minuman botol serta makanan segera juga boleh terjejas. Selain kos pengantaran, produk ini turut terkesan oleh kenaikan kos bahan mentah, pembungkusan serta pengedaran.




5. Barangan Runcit Harian

Barangan keperluan seperti sabun, pencuci, tisu, makanan kering dan produk kegunaan rumah juga bergantung kepada sistem logistik yang luas.



6. Bahan Binaan dan Barangan Industri

Kenaikan harga minyak juga memberi kesan kepada sektor pembinaan. Bahan seperti simen, keluli, pasir dan batu memerlukan pengangkutan berskala besar menggunakan lori berat.



Faktor utama kenaikan harga barangan



- Kos pengangkutan dan logistik
- Kos penyimpanan dan rantaian bekalan
- Kos tenaga dalam proses pengeluaran
- Kos penghantaran antarabangsa



Secara keseluruhannya, kenaikan harga minyak boleh mencetuskan kesan domino kepada pelbagai sektor ekonomi kerana kos bahan api adalah komponen penting dalam pengangkutan, logistik dan pengeluaran. Walaupun tidak semua barangan akan mengalami kenaikan harga secara serentak, produk yang bergantung kepada rantaian bekalan jarak jauh, import serta logistik kompleks lazimnya lebih terdedah kepada tekanan kos.